

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 1998/99

April 1999

JMI 101 - Pengajian Islam

Masa: [3 Jam]

ARAHAN KEPADA CALON

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
 - Jawab mana-mana EMPAT soalan.
 - Setiap soalan bernilai 100 markah.
-

Arahan: Setiap jawapan hendaklah disokong oleh dalil-dalil daripada Al-Quran dan Al-hadith.

1. Islam adalah "al-Din" suatu sistem hidup yang syumul. Konsep ini dinukil daripada firman Allah yang bererti sesungguhnya agama di sisi Allah ialah Islam sahaja.

Berdasarkan pengertian ayat di atas, bincangkan perkara-perkara berikut:

- (a) Pengertian antara "al-Din" dan agama.
- (b) Perbezaan antara Islam manusia dan makhluk-makhluk lain.
- (c) Perbezaan antara Aqidah dan Syariah.

(100 markah)

2. Firman Allah yang bererti: "jika mereka condong kepada perdamaian, maka condonglah (terimalah)."

Berdasarkan pengertian ayat di atas, jelaskan perkara-perkara berikut:

- (a) Konsep perdamaian menurut prospek Islam.
- (b) Keadilan dalam Islam.
- (c) Pandangan Islam terhadap kezaliman.

(100 markah)

3. Al-Quran merupakan sumber pertama ajaran Islam, sementara al-Hadith pula merupakan sumber kedua. Oleh itu bincangkan perkara-perkara berikut:

- (a) Penurunan al-Quran.
- (b) Pengumpulan al-Hadith.
- (c) Bagaimana ulama mengkritik al-Hadith.

(100 markah)

4. Firman Allah yang bererti: "Sebahagian daripada tanda-tanda kekuasaannya, bahawa Dia (Allah) menjadikan untuk kamu isteri-isteri supaya kamu cenderung dan tenteram kepadanya."

Pengertian ayat di atas menunjukkan tentang kekeluargaan dan huraikan perkara-perkara berikut:

- (a) Hukum-hukum perkahwinan
- (b) Rukun nikah
- (c) Suami isteri bercerai talaq tiga. Bagaimana proses yang membolehkan mereka kembali hidup sebagai suami isteri.

(100 markah)

5. Firman Allah yang bererti: "Apabila selesai menunaikan solat pergilah kamu ke seluruh pelusuk bumi dan carilah di sana rezeki kurniaan Allah dan ingatlah kepada Allah banyak-banyak supaya kamu beruntung."

- (a) Huraikan pandangan Islam terhadap kerja.
- (b) Bagaimana kerja-kerja dikira sebagai ibadah.
- (c) Pandangan Islam terhadap perniagaan.

(100 markah)

6. Firman Allah yang bererti: "Dan ada bagi kamu pada hukum qisas (bunuh balas) ialah proses kehidupan."

Jelaskan perkara-perkara

- (a) Jenis pembunuhan dalam Islam dan yang mana satu dikenakan qisas.
- (b) Syarat-syarat perlaksanaan qisas.
- (c) Apakah peranan waris si yang dibunuh dalam kes qisas.

(100 markah)

ooo000ooo

